



KEBANGGAAN NEGARA: LCCT di KLIA bakal muncul antara kemudahan terbaik seumpamanya di dunia yang dirasmikan Perdana Menteri, semalam.



TERBANG LEBIH TINGGI: Abdullah memegang model pesawat AirAsia sambil diperhatikan Chan (dua dari kanan), Pahamin (tiga dari kanan) dan Fernandes (kiri) selepas merasmikan LCCT, semalam.

KLIA, LCCT mampu jadi terbaik dunia

Perkongsiannya bijak dapat mempertingkatkan mutu kemudahan dan pikat pelancong asing

Oleh Kadir Dikoh

SEPANG: Penerbangan Malaysia (MAS) dan AirAsia Bhd (AirAsia) perlu bergabung tenaga menjadikan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan Terminal Penerbangan Tambang Murah (LCCT) di sini, muncul antara lapangan terbang terbaik di dunia serta hab penerbangan tambang murah (LCC) utama Asia.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, ketika melancarkan LCCT bernilai RM108 juta itu di sini semalam, berkata, Malaysia perlu mendahului saingan ne-

gara jiran yang memajukan kemudahan sama untuk memanfaatkan pertumbuhan pesat industri LCC.

"Saya mahu MAS dan AirAsia mengadakan kerjasama sebagai rakan kongsi bijak. Kita mahu KLIA menjadi yang terbaik di dunia dan LCCT ini sebagai hab penerbangan murah di rantau ini.

"Memang kedua-duanya bersaing tetapi bagi tujuan berlainan iaitu MAS untuk terus memberi khidmat terbaik sebagai syarikat penerbangan biasa manakala AirAsia sebagai syarikat penerbangan tambang murah terbaik Asia.

"Namun, kedua-duanya mampu

“ Kedua-duanya akan mendapat faedah jika mereka jadi rakan bestari dan perkongsian itu juga secara tidak langsung untungkan negara”

Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri

nyai matlamat sama iaitu untuk kepentingan negara. Sama-samalah kita berusaha membawa masuk pelancong demi kesejahteraan negara," katanya dalam ucapan pada majlis itu yang turut dihadiri pengurusan kanan industri penerbangan termasuk Pengarah Urusan MAS, Idris Jala; Ketua Eksekutif AirAsia, Datuk Tony Fernandes dan Pengerusi AirAsia, Datuk Pahamin A Rajab.

Hadir sama, Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Chan Kong Choy.

Abdullah kemudian menyambut ketibaan penerbangan sulung AirAsia ke terminal itu yang mendarat pada jam 4.45 petang dengan mem-

bawa 130 penumpang dari Pulau Pinang. Ia adalah yang pertama daripada 19 penerbangan AirAsia yang mendarat di LCCT selepas dilancarkan semalam.

AirAsia, dan rakan kongsinya, Thai AirAsia dan Indonesia AirAsia akan menjadi operator syarikat penerbangan utama di terminal itu dengan menduduki 44 daripada 72 kaunter pendaftaran masuk di situ.

Bermula hari ini, semua penerbangan AirAsia, Thai AirAsia dan Indonesia AirAsia akan berlepas dan mendarat di terminal baru itu.

Abdullah berkata, kedua-dua MAS dan AirAsia akan mendapat faedah

jika mereka menjadi rakan bestari dan perkongsian itu juga secara tidak langsung menguntungkan negara.

Bercakap pada sidang media kemudian, Abdullah berkata rundingan sedang diadakan di antara MAS dan AirAsia bagi laluan domestik dan berharap sebarang keputusan terhasil nanti akan memberi faedah 'sama-sama menang'.

Ditanya sama ada LCCT Singapura yang mula beroperasi Ahad ini akan memberi saingan sengit kepada terminal baru itu, beliau berkata, dalam sebarang usaha seperti itu, saingan adalah dijangka.

BH - 24/3/2006